KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	07.06.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPSM			

MSM rancang tanam 1,000 pokok bakau di Pulau Pinang



Penanaman pokok bakau adalah satu pendekatan mesra alam yang efektif dalam memberi manfaat kepada pemuliharaan ekosistem.

SEBERANG PERAI - MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menerusi anak syarikat milik penuhnya, MSM Prai Berhad (MSM Prai) merancang menanam 1,000 pokok bakau secara berperingkat tahun ini di kawasan yang dikhususkan bagi penanaman pokok dan pokok bakau di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, sempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022, MSM menerusi MSM Prai mengulangi usahanya terhadap inisiatif hijau dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.



SYED FEIZAL

"Penanaman pokok bakau adalah satu pendekatan mesra alam yang efektif dalam memberi manfaat kepada pemuliharaan ekosistem lebih meluas termasuk melindungi kualiti air, menstabilkan tebing sungai, memupuk habitat ikan dan menjadi penyumbang kepada mitigasi perubahan iklim," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Syed Feizal berkata, sejumlah 200 pokok bakau ditanam di Mangrove Small Education Centre yang terletak di Sungai Acheh, Nibong Tebal di Seberang Perai Selatan pada Ahad.

Beliau berkata, program penanaman pokok bakau secara kerjasama strategik dengan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dan Persatuan Kebajikan Nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA) itu merupakan usaha berterusan daripada program tahun lepas yang mana 700 anak pokok bakau berjaya ditanam di sebelah kilang penapisan MSM Prai.

"MSM bersungguh-sungguh dalam usaha untuk memastikan program kelestarian kami dan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) mencapai matlamatnya serta keputusan terbaik bagi jangka masa panjang," ujarnya. - *Bernama*